

PHILIPS

AVENT

SCF291



Manual pengguna

Kandungan

Penting	3
Bahaya.....	3
Amaran.....	3
Awat	4
Pengenalan	6
Perihal umum.....	6
Perkara yang perlu Diambil Perhatian	7
Memahami tetapan.....	8
Sebelum penggunaan pertama	8
Bersedia untuk menggunakan	10
Bersedia untuk pensterilan	10
Memasang pensteril	10
Menggunakan perkakas	11
Pensterilan	11
Pembersihan	13
Menyahkerak.....	14
Memesan aksesori	15
Kitar semula.....	15
Sokongan	15
Menyelesaikan masalah	16

Penting

Baca maklumat penting ini dengan teliti sebelum anda menggunakan perkakas dan simpan untuk rujukan masa hadapan.

Bahaya

- Jangan rendamkan tapak, kord kuasa atau palam utama ke dalam air atau sebarang cecair lain.
 - Kegagalan mengikuti arahan penyahkerakan mungkin menyebabkan kerosakan yang tidak dapat di baiki.
 - Jangan tanggalkan tapak untuk mengelakkan risiko kejutan elektrik.
-

Amaran

- Perkakas ini boleh digunakan oleh orang yang kurang upaya dari segi fizikal, deria atau mental, atau kurang berpengalaman dan pengetahuan jika mereka diberi pengawasan atau arahan berkenaan penggunaan perkakas secara selamat dan jika mereka memahami bahaya yang mungkin berlaku.
- Perkakas ini tidak seharusnya digunakan oleh kanak-kanak. Jauhkan perkakas dan kordnya dari capaian kanak-kanak.
- Kanak-kanak tidak seharusnya bermain dengan perkakas ini.
- Pastikan bahawa voltan yang dinyatakan pada perkakas sepadan dengan voltan sesalur tempatan anda.
- Jangan gunakan perkakas jika palam, kord sesalur atau perkakas rosak.
- Jika kord sesalur kuasa rosak, perkakas mestilah digantikan oleh Philips, pusat servis yang disahkan oleh Philips ataupun orang yang layak untuk mengelakkan bahaya.
- Tiada bahagian boleh diservis di dalam perkakas. Jangan cuba membuka, melakukan servis atau membaiki perkakas itu sendiri.
- Perkakas menjadi sangat panas semasa digunakan dan mungkin menyebabkan kelecuman jika disentuh.

- Berhati-hati dengan stim panas yang keluar dari bolong dalam tudung atau apabila anda membuka tudung. Stim boleh menyebabkan kelecuman.
- Jangan sentuh tapak, bakul dan tudung semasa atau sejurus selepas digunakan kerana item tersebut sangat panas. Hanya angkat tudung dengan pegang pemegangnya.
- Jangan tanggalkan atau buka perkakas apabila perkakas sedang digunakan atau semasa air di dalam perkakas masih panas.
- Jangan letakkan item di atas perkakas semasa perkakas sedang digunakan.
- Hanya gunakan air tanpa sebarang bahan tambahan.
- Jangan masukkan peluntur atau bahan kimia lain di dalam perkakas.
- Jangan tuangkan air melebihi penanda pada takungan atau 130 ml air.
- Hanya sterilkan botol bayi dan item lain yang sesuai untuk perkakas ini. Periksa manual pengguna item yang ingin anda sterilkan, untuk memastikan item sesuai untuk perkakas ini.
- Jika anda mahu menghentikan operasi, tekan butang kuasa mati untuk mematikan perkakas.
- Perkakas ini dimaksudkan untuk penggunaan di rumah sahaja.
- Jangan salah gunakan perkakas ini untuk apa-apa tujuan lain yang dimaksudkan bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya kecederaan.

Awas

- Jangan sekali-kali gunakan aksesori atau barang-barang ganti daripada pengilang lain atau pengilang yang tidak disyorkan oleh Philips. Jika anda menggunakan aksesori atau barang-barang ganti sedemikian, jaminan anda menjadi tidak sah.
- Jangan dedahkan perkakas kepada kepanasan melampau atau cahaya matahari langsung.

- Sentiasa biarkan perkakas menyejuk. sebelum anda mengalihkan atau menyimpan perkakas.
- Permukaan yang mudah dicapai mungkin menjadi panas semasa digunakan. 
- Jangan sterilkan item yang amat kecil yang boleh terjatuh ke dalam lubang di bahagian bawah bakul.
- Jangan letakkan item terus di atas elemen pemanasan apabila perkakas dihidupkan.
- Jangan gunakan perkakas jika perkakas telah jatuh atau rosak dalam apa-apa cara sekalipun. Bawa perkakas ke pusat servis Philips yang disahkan untuk dibaiki.
- Sentiasa letak dan gunakan perkakas pada permukaan yang kering, stabil, rata dan mendatar.
- Jangan letak perkakas di atas permukaan panas.
- Jangan biarkan kord sesalur kuasa terjantai pada tepi meja atau permukaan ruang kerja tempat perkakas diletakkan.
- Tuang keluar baki air yang tinggal dari perkakas selepas penggunaan dan apabila perkakas telah menyejuk.
- Matikan perkakas dan tanggalkan daripada bekalan kuasa sebelum menukar aksesori atau mendekati bahagian yang bergerak semasa penggunaan.
- Keadaan persekitaran, seperti suhu dan altitud, mungkin mempengaruhi fungsi perkakas ini.
- Pembersihan dan penyelenggaraan oleh pengguna tidak boleh dilakukan oleh kanak-kanak.
- Sentiasa putuskan sambungan alat dari bekalan jika perkakasan dibiarkan tanpa pengawasan.


Medan elektromagnet (EMF)

Perkakas Philips mematuhi semua piawaian dan peraturan berkaitan dengan pendedahan kepada medan elektromagnet.

Pengenalan

Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips Avent! Untuk memanfaatkan sokongan yang ditawarkan oleh Philips Avent sepenuhnya, daftar produk anda di www.philips.com/welcome.

Perihalan umum




A	Tudung dengan pemegang	H	Kord kuasa
B	Bakul kecil	I	Penyepit
C	Plat bawah untuk bakul besar	J	Penyimpanan kord
D	Bakul besar dengan dulang titis	K	Lampu penunjuk
E	Penanda paras air maksimum	L	Butang kuasa hidup
F	Elemen pemanasan dengan takungan air	M	Butang kuasa mati
G	Unit tapak		


Perkara yang perlu Diambil Perhatian




- Jangan rendamkan unit tapak ke dalam air.



- Gunakan 130 ml air.



- Bersihkan item sebelum memasukkan item ke dalam perkakas.



- Buka semua bahagian botol sepenuhnya dan letakkan item di dalam perkakas dengan bukaan menghala ke bawah bagi mengelakkan bahagian botol daripada diisi air.



- Tuang keluar baki air daripada bakul besar selepas setiap penggunaan.



- Nyahkerak perkakas setiap 2 minggu.

Memahami tetapan

Nota: Sebelum anda mensterilkan botol dan item lain, bersihkan item tersebut dahulu.

Hanya letakkan item dalam pensteril yang sesuai untuk pensterilan. Jangan sterilkan item yang diisi dengan cecair, cth. gelang gigit dengan cecair pendingin.



Sterilkan 	• Mod sterilkan adalah untuk item bayi pensteril. • Kitaran pensteril mengambil masa lebih kurang 10 minit. • Pemanasan mengambil masa kira-kira 4 minit dan pensterilan mengambil masa kira-kira 6 minit. • Pastikan anda menuang 130 ml air terus ke dalam takungan air pada tapak.
---	---

Sebelum penggunaan pertama


Apabila anda menggunakan perkakas buat kali pertama, kami menasihati anda untuk melengkapkan satu proses pensterilan dengan bakul kosong.

- 1** Gunakan botol bayi yang bersih dan tuangkan 130 ml air terus ke dalam takungan air pada tapak.


Petua: Perkakas ini telah direka bentuk untuk digunakan dengan air paip. Jika anda tinggal di kawasan yang mempunyai air liat, pembentukan kerak yang cepat mungkin akan berlaku. Maka, anda disyorkan untuk menggunakan air tanpa mineral seperti air suling atau air tulen untuk memanjangkan hayat perkakas anda. Untuk maklumat lanjut tentang kerak, lihat bahagian “Menyahkerak”.




- 2** Letakkan bakul besar pada tapak.




3 Letakkan plat bawah di dalam bakul besar.




4 Letakkan bakul kecil di atas bakul besar.



5 Letakkan tudung di atas bakul kecil.




6 Pasangkan plag di soket dinding.



7 Tekan butang kuasa hidup untuk menghidupkan perkakas.

Nota: Jika anda memasangkan palam perkakas selepas anda menekan butang kuasa hidup, pensteril akan mula berfungsi dengan serta-merta. Anda boleh mematikan perkakas dengan menekan butang kuasa mati.

Awas: Tapak, bakul dan penutup akan menjadi sangat panas semasa atau sejurus selepas digunakan.



- Lampu penanda hidup/mati menyala untuk menunjukkan bahawa perkakas mula mensteril.
- Apabila proses pensterilan telah selesai, lampu dimatikan dan perkakas dimatikan secara automatik.

- 8 Selepas perkakas menyejuk sepenuhnya, keluarkan tudung, bakul kecil, plat bawah, bakul besar dan lap sehingga kering.

Nota: Apabila anda mengeluarkan bakul besar dari tapak, berhati-hati dengan baki air pada dulang titis tapak.

- 9 Biarkan perkakas menyejuk sepenuhnya untuk kira-kira 10 minit sebelum anda menggunakannya lagi.

Nota: Perkakas tidak akan berfungsi selama 10 minit selepas kitaran pensterilan. Perkakas perlu disejukkan dahulu.

Bersedia untuk menggunakan


Bersedia untuk pensterilan

Sebelum anda memasukkan item yang perlu disteril ke dalam pensteril, bersihkan item dengan rapi di dalam mesin basuh pinggan mangkuk atau bersihkan item dengan tangan menggunakan air panas dan detergen pencuci pinggan.


Memasang pensteril

Terdapat beberapa cara untuk memasang pensteril.


- 1 Hanya bakul kecil pada tapak untuk mensterilkan item kecil seperti puting.



- 2 Dengan bakul besar sahaja pada tapak untuk mensterilkan item bersaiz sederhana seperti pam susu badan, pinggan si kecil atau kutleri si kecil.




- 3 Dengan bakul besar dan bakul kecil pada tapak untuk mensterilkan sehingga enam botol 330 ml. Letakkan botol secara terbalik di dalam bakul besar dan letakkan penutup kubah botol, gelang skru dan puting di dalam bakul kecil.



Nota: Apabila anda mengisi bakul kecil, letakkan gelang skru di bahagian bawah, letakkan puting dan penutup botol dengan longgar di bahagian atas gelang skru.

Nota: Pastikan semua bahagian yang perlu disteril ditanggalkan sepenuhnya dan letakkan bahagian di dalam bakul dengan bukaan menghadap ke bawah bagi mengelakkan item daripada diisi air.




Menggunakan perkakas


Pensterilan

Pembersihan yang menyeluruh dan bebas kimia pada pensteril akan memastikan kandungan di dalam steril hingga 24 jam dengan penutup dipasang. Selepas pensterilan, baki air pada item bayi adalah steril dan tidak akan mengumpulkan kuman.

- 1 Tuangkan air terus ke dalam takungan air tapak (lihat bahagian “Sebelum penggunaan pertama”).
- 2 Pasang pensteril (lihat bahagian “Memasang pensteril”) dan letakkan item yang akan disteril di dalamnya.
- 3 Letakkan tudung di atas bakul kecil atau besar.



- 4 Pasangkan plag di soket dinding.




- 5 Tekan butang kuasa hidup untuk menghidupkan perkakas.

Awas: Tapak, bakul dan penutup akan menjadi sangat panas semasa atau sejurus selepas digunakan.

Nota: Anda boleh mematikan perkakas dengan menekan butang kuasa mati.

- Lampu penanda hidup/mati menyala untuk menunjukkan bahawa perkakas mula mensteril.
- Apabila proses pensterilan telah selesai, lampu dimatikan dan perkakas dimatikan secara automatik.



- 6 Alihkan tudungnya.

Tunggu sehingga perkakas telah menyejuk sebelum mengalihkan tudung.

Berhati-hati. Stim panas mungkin keluar dari pensteril.

- 7 Keluarkan botol dan item lain daripada bakul. Gunakan penyepit untuk mengeluarkan item yang lebih kecil.

Berhati-hati. Item disteril mungkin masih panas.

Nota: Pastikan anda membasuh tangan dengan bersih sebelum anda menyentuh item yang telah disteril.

- 8 Cabut palam perkakas dan tunggu sehingga perkakas menyejuk sepenuhnya.

- 9 Keluarkan bakul kecil dan bakul besar.

Nota: Apabila anda mengeluarkan bakul besar, berhati-hati dengan baki air pada dulang titis tapak.

Nota: Dulang titis direka bentuk untuk menangkap susu atau sisa makanan daripada item supaya tidak termasuk ke dalam takungan air pada tapak. Ini adalah untuk mengoptimumkan prestasi pensterilan dan memudahkan pembersihan elemen pemanas.

- 10 Tanggalkan plat bawah daripada bakul besar. Tuang keluar baki air daripada dulang titis bakul besar dan bersihkannya (lihat bahagian “Pembersihan”).

- 11 Tuang keluar sebarang baki air daripada takungan air dan lap kering.

Nota: Perkakas tidak akan berfungsi selama 10 minit selepas kitaran pensterilan. Perkakas perlu disejukkan dahulu.

Pembersihan


Jangan gunakan agen pembersih yang melelas atau agresif (contohnya, peluntur) atau pad penyental untuk membersihkan perkakas ini.

Jangan rendamkan tapak atau kord kuasa ke dalam air atau cecair lain.

Nota: Pensteril ini tidak kalis mesin basuh pinggan mangkuk. Bakul, plat bawah dan tudung boleh dibersihkan dengan air panas dan detergen pencuci cecair.

- 1 Cabut palam perkakas dan biarkan sehingga sejuk sebelum anda membersihkannya.
- 2 Bersihkan tapak dengan kain lembap.
- 3 Tanggalkan plat bawah daripada bakul besar.
Tuang keluar baki air daripada dulang titis bakul besar.

Nota: Air terkumpul pada dulang titis bakul besar selepas setiap kitaran pensterilan. Tuang keluar baki air daripada bakul besar selepas setiap penggunaan.



- 4 Bersihkan tudung, bakul kecil, plat bawah dan bakul besar dalam air panas dengan sedikit detergen pencuci pinggan.

Nota: Selepas dibersihkan, simpan pensteril di tempat yang bersih dan kering.


Menyahkerak

Proses pensterilan amat penting untuk memastikan standard paling bersih untuk bayi anda. Mendapan kerak boleh memperlambatkan kitaran pensterilan malah mengurangkan keberkesanan.


Kerak adalah mendapan yang keras dan berkapur. Bergantung pada jenis air di kawasan anda, kerak boleh bentuk yang berlainan daripada serbuk yang kelihatan seperti putih salji sehinggalah tompok keperangan. Semakin tinggi keliatan air, semakin cepat kerak menimbun. Kerak berkumpul di dalam perkakas kerana sisa mineral yang terkandung dalam air secara semula jadi, yang gagal disejatkan apabila air dipanaskan. Walaupun kerak tidak begitu berbahaya, rupa kerak hodoh, sukar dibersihkan dan boleh mengurangkan operasi perkakas atau merosakkan komponennya jika dibiarkan berkumpul.

Nyahkerak pensteril sekurang-kurangnya setiap 2 minggu untuk memastikan pensteril berfungsi dengan berkesan.

- 1 **Tuangkan 12 ml cuka putih (5% asid asetik) dan 120 ml air ke dalam takungan air.**




- 2 **Tunggu selama 6 jam/semalaman atau sehingga semua kerak telah larut.**



- 3 **Kosongkan takungan air dan bilas sepenuhnya.**



- 4 Jika anda masih melihat kesan kerak, sental dengan menggunakan span. Bilas sekali lagi dan lap tapak dengan kain lembap.



Nota: Anda juga boleh menggunakan penyahkerak berasaskan asid sitrik.

Nota: Jangan gunakan jenis penyahkerak lain.

Memesan aksesori

Untuk membeli aksesori atau alat ganti, lawati **www.philips.com** atau pergi ke pengedar Philips anda. Anda juga boleh menghubungi Pusat Layanan Pelanggan di negara anda (lihat risalah jaminan sedunia untuk butiran hubungan).

Kitar semula

Simbol ini bermaksud bahawa produk elektrik tidak harus dilupuskan bersama buangan isi rumah yang biasa.

Patuhi peraturan negara anda untuk pelupusan produk elektrik secara berasingan.



Sokongan

Untuk semua sokongan produk seperti soalan lazim, sila lawati **www.philips.com/support**.

Nota: Perkakas ini perlu dinyahkerak dengan kerap untuk mendapatkan prestasi optimum. Sekiranya anda tidak berbuat demikian, perkakas mungkin berhenti berfungsi sepenuhnya. Dalam kes ini, pembaikan TIDAK dilindungi oleh jaminan anda.

Menyelesaikan masalah

Bab ini meringkaskan masalah paling lazim yang anda hadapi dengan perkakas. Jika anda tidak dapat menyelesaikan masalah dengan maklumat di bawah, hubungi Pusat Layanan Pelanggan di negara anda.

Masalah	Penyelesaian
Bila saya patut menyahkerak pensteril saya?	Apabila anda menggunakan pensteril, anda mungkin mendapati terdapat tompok kecil yang berwarna dari putih salji sehinggalah keperangan muncul pada plat pemanasan. Ini adalah tanda yang pensteril anda patut dinyahkerak. Dalam apa-apa keadaan sekali pun, pensteril perlu dinyahkerak sekurang-kurangnya setiap 2 minggu untuk memastikan pensteril terus berfungsi dengan berkesan.
Mengapa masa pensterilan sangat singkat?	Anda tidak memasukkan air yang secukupnya untuk pensterilan. Tuangkan 130 ml air terus ke dalam takungan air pada tapak.
Mengapa masih terdapat baki air yang banyak pada plat pemanas selepas pensterilan?	Plat pemanasan mungkin disumbat oleh kerak. Pensteril perlu dinyahkerak sekurang-kurangnya setiap 2 minggu. Lihat bahagian “Menyahkerak”.
Mengapa terdapat bau terbakar dan tanda terbakar pada tapak?	Anda mungkin tidak menuang keluar baki air dari dulang titis bakul besar dengan kerap. Air terkumpul pada dulang titis bakul besar selepas setiap kitaran pensterilan. Tuang keluar sebarang baki air daripada bakul besar selepas setiap penggunaan. 1 Tanggalkan plat bawah daripada bakul besar. Tuang keluar baki air daripada dulang titis bakul besar. 2 Bersihkan plat bawah dan bakul besar dalam air panas dengan detergen pencuci pinggan. Item mungkin tidak dibersihkan dengan teliti sebelum disteril. Sebelum anda memasukkan item yang akan disteril ke dalam pensteril, bersihkannya dengan rapi di dalam mesin basuh pinggan mangkuk atau dengan tangan menggunakan air panas dan detergen pencuci pinggan.

Masalah	Penyelesaian
Salutan mengelupas daripada plat pemanas. Adakah fungsi pensteril terjejas?	Fungsi pensteril tidak terjejas. Pastikan anda tidak menggunakan apa-apa agen pembersih yang melelas atau agresif (contohnya, peluntur) atau pad penyental untuk membersihkan plat pemanas. Elakkan daripada menuang air sejuk kepada plat pemanasan sejurus selepas menggunakannya kerana tindakan itu mungkin menyebabkan keretakan plat disebabkan penyejukan sejuk pada lapisan tidak lekat.
Kenapa pensteril berhenti berfungsi?	Plat pemanasan mungkin disumbat oleh kerak. Pensteril perlu dinyahkerak sekurang-kurangnya setiap 2 minggu. Lihat bahagian "Menyahkerak".
Adakah saya perlu mengeringkan item bayi selepas pensterilan?	Pembersihan yang menyeluruh dan bebas kimia pada pensteril akan memastikan kandungan di dalam perkakas kekal steril sehingga 24 jam jika penutup dipasang. Air yang tertinggal pada item bayi selepas pensterilan adalah steril dan tidak akan mengumpulkan kuman, maka anda tidak perlu mengeringkan item.

